

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**  
**[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan pindaan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk membenarkan pengemukakan petisyen secara langsung kepada Mahkamah Persekutuan dalam hal-hal yang melibatkan hak dan kebebasan asasi termasuk kes yang melibatkan Perkara 121(1A).**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, tiada keperluan untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi membenarkan pengemukakan petisyen secara langsung kepada Mahkamah Persekutuan dalam hal yang melibatkan hak dan kebebasan asasi termasuk kes yang melibatkan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan kerana tatacara sedia ada adalah teratur dan mencukupi.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tatacara sedia ada memperuntukkan permohonan difailkan di Mahkamah Tinggi dan terdapat hak untuk merayu ke Mahkamah Rayuan dan seterusnya ke Mahkamah Persekutuan. Ini bererti isu-isu yang dibangkitkan akan mendapat pertimbangan seorang Hakim di Mahkamah Tinggi, 3 orang Hakim di Mahkamah Rayuan dan 5 orang Hakim di Mahkamah Persekutuan. Secara keseluruhan, 9 orang Hakim akan mempertimbangkan isu yang dibawa berbanding dengan hanya 5 orang Hakim di Mahkamah Persekutuan sekiranya cadangan Ahli Yang Berhormat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.